



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUTERA
2014**

MEKANIKAL

KOD : PJM02
SUBJEK : PENGURUSAN WOKSYOP
TARIKH : 27 OKTOBER 2014
MASA : 2.00 PTG - 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PJM02 – PENGURUSAN WOKSYOP

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

- a) Senaraikan dengan ringkas **dua (2)** tugas dan tanggungjawab setiap jawatan yang dinyatakan di bawah:
- i) Jurutera Mekanikal
 - ii) Penolong Jurutera Mekanikal
 - iii) Pekerja Am (Woksyop)

(12 markah)

- b) Senaraikan **empat (4)** tanda amaran/larangan/keselamatan utama yang biasanya terdapat di dalam sesebuah bengkel.

(8 markah)

SOALAN 2

Nyatakan fungsi dan **dua (2)** jenis kerja bengkel yang memerlukan penggunaan Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) berikut:

- a) Pelindung mata jernih dan gelap (*safety goggles*)
- b) Sarung tangan tugas berat (*leather gloves*)
- c) Pelindung telinga (*ear plug*)
- d) Pelindung pernafasan (*face mask*)
- e) Apron

(20 markah)

SOALAN 3

- a) Terangkan secara ringkas **enam (6)** proses kerja pemeriksaan dan penilaian kenderaan kerajaan yang terlibat dalam kemalangan.

(6 markah)

- b) Pemeriksaan kenderaan baru Kerajaan (*PDI*) adalah merupakan salah satu bidang kerja yang dilaksanakan oleh JKR Woksyop. Nyatakan secara ringkas **empat (4)** perkara yang perlu dibuat pemeriksaan ke atas kenderaan tersebut.

(4 markah)

- c) Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1985 (Kemalangan Yang Melibatkan Kenderaan Kerajaan Malaysia), nyatakan **lima (5)** tindakan yang perlu diambil oleh Ketua Jabatan/Pegawai Yang Diberi Kuasa sekiranya kenderaan Kerajaan terlibat dalam kemalangan.

(10 markah)

SOALAN 4

Melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2014, Kerajaan telah membuat perubahan kepada had nilai, kaedah dan syarat perolehan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan. Terangkan perkara-perkara berikut:

- a) Tafsiran/maksud bagi Pembelian Terus.

(2 markah)

- b) **Lima (5)** kaedah dan syarat perolehan serta kelonggaran pelaksanaan perolehan bagi had nilai melebihi RM 20,000.00 hingga RM 50,000.00 setahun atau sesuatu kontrak.

(10 markah)

- c) **Empat (4)** syarat perolehan lain yang perlu dipatuhi sebelum perolehan dilaksanakan.

(8 markah)

SOALAN 5

- a) Berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 (Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan) Bab E – Pelupusan, aset boleh dilupuskan berdasarkan kepada beberapa justifikasi. Senaraikan **lapan (8)** justifikasi bagi pelupusan aset Kerajaan.

(8 markah)

- b) Nyatakan **dua (2)** objektif pelupusan aset Kerajaan.

(4 markah)

- c) Nyatakan **lapan (8)** objektif/tujuan penyelenggaraan aset Kerajaan berdasarkan kepada Bab D-Penyelenggaraan di dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007.

(8 markah)

SOALAN 6

- a) Jelaskan **empat (4)** asas penilaian sebutharga untuk bekalan/perkhidmatan atau kerja mengikut arahan yang telah ditetapkan di dalam surat pekeliling tatacara pengurusan perolehan secara sebutharga.

(12 markah)

- b) Jelaskan apakah yang dimaksudkan dengan Bon Perlaksanaan dan Bayaran Pendahuluan.

(8 markah)

SOALAN 7

- a) Terangkan secara ringkas **dua (2)** takrifan Bahan Buangan Terjadual.

(4 markah)

SOALAN 7 (sambungan)

- b) Minyak yang telah digunakan, kain berminyak, penapis bendalir pelinciran dan lain-lain adalah merupakan jenis bahan buangan terjadual yang perlu dikendalikan berdasarkan kepada undang-undang dan peraturan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan Akta Kualiti Alam Sekeliling. Nyatakan **lapan (8)** kaedah atau cara pengendalian dan penyimpanan bahan buangan jenis ini.

(8 markah)

- c) Bahan api adalah sejenis bahan kimia yang mudah terbakar dan perlu dikendalikan dengan kaedah yang betul. Nyatakan **lapan (8)** cara/kaedah yang selamat semasa mengendalikan bahan api daripada segi penggunaan dan penyimpanannya.

(8 markah)

SOALAN 8

- a) Penyelenggaraan ke atas sesebuah kenderaan dan peralatan mekanikal dalam bangunan adalah amat penting dan perlu dilakukan secara teratur. Nyatakan **empat (4)** kepentingan penyelenggaraan tersebut dilaksanakan.

(4 markah)

- b) Penjagaan bateri yang baik dapat memanjangkan jangka hayatnya. Nyatakan dengan ringkas **enam (6)** kaedah penjagaan bateri.

(6 markah)


- c) Berikan **tujuh (7)** punca kerosakan pada jentera berat disebabkan kesalahan operasi oleh operator jentera berat.

(7 markah)

- d) Nyatakan **tiga (3)** jenis senggaraan yang dijalankan pada setiap mesin/jentera/peralatan.

(3 Markah)


SOALAN 9




- a) Merujuk kepada gambar rajah di atas, nyatakan nama bahagian *Micrometer* yang bertanda **1 hingga 7**.

(7 markah)


- b) Berikan bacaan atau jawapan yang betul dengan merujuk kepada **gambar rajah (i), (ii) dan (iii)** di bawah.



(i)




(ii)



(iii)

(3 markah)

SOALAN 9 (sambungan)



- c) **Gambar rajah di atas** menunjukkan sebuah bateri yang lazimnya digunakan pada sebuah kenderaan. Namakan setiap komponen bateri yang bertanda **i hingga viii**.

(8 markah)

- d) Nyatakan **dua (2)** jenis Peralatan Perlindungan Peribadi (*PPE*) yang perlu dipakai semasa mengendalikan elektrolit bateri (asid).

(2 markah)

SOALAN 10

- a) Nyatakan fungsi/tujuan jenis Pemeriksaan dan Pengujian Kenderaan Secara Berkomputer (*VTL*) berikut:
- i) Ujian meter halaju (*Speedometer test*)
 - ii) Ujian suspensi (*Suspension test*)
 - iii) Ujian brek (*Braking test*)
 - iv) Pemeriksaan bawah kenderaan (*Under carriage inspection*)
 - v) Ujian pelepasan asap untuk enjin diesel (*Smoke test for diesel engine*)

(10 markah)

SOALAN 10 (sambungan)

- b) Terangkan secara ringkas tujuan setiap jenis pemeriksaan dan penilaian berikut:
- i) Pemeriksaan kenderaan baru
 - ii) Penilaian kenderaan terpakai
 - iii) Pemeriksaan dan penilaian kenderaan untuk sijil PEP
 - iv) Penilaian lucut hak
 - v) Pemeriksaan dan penilaian kerosakan kenderaan akibat kemalangan

(10 markah)
